


PENDAPAT

4 ALTERNATIF PENGURUSAN BAYARAN PELANGGAN KEPADA PENIAGA ATAS TALIAN

01 Sep, 2022 [Volume 1 Issue 2](#) 5 viewsBy [Zul Karami Che Musa](#), [Ahmad Syakir Junoh @ Ismail](#), [Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi Abdul Aziz](#), [Mahathir Muhamad](#) & [Muhammad Naqib Mat Yunoh](#)

0 comments 0 likes

f t in p



Peniaga yang mempromosikan produk mereka melalui sosial media pastinya berdepan dengan masalah penerimaan bayaran daripada pelanggan.

Kaedah yang digunakan oleh peniaga bermula daripada pelanggan mengemukakan bukti dalam bentuk slip bayaran transfer online sama ada perbankan online atau ewallet. Seterusnya peniaga akan membuka halaman perbankan online atau ewallet secara manual untuk tujuan pengesahan. Walaupun cara ini juga tidak memerlukan sebarang kos, namun keadaan ini memerlukan komitmen dalam merekod transaksi ke tempat lain bagi analisis jualan. Tambahan pula, peniaga perlu bersusah payah mengumpul dan menyusun balik rekod jualan dalam satu tempat seperti dalam perisian Microsoft Excel.

Bagi peniaga yang mempunyai banyak jualan ataupun menjangkakan jualan yang banyak online, terdapat beberapa alternatif bagi pengurusan bayaran. Bagi membincangkan alternatif tersebut, perlu difahami dalam proses automasi pengesahan pembayaran daripada pelanggan, proses ini perlu melalui proses payment gateway sama ada menggunakan akaun sendiri atau pihak ketiga. Tanpa proses ini proses automasi tidak dapat dilakukan. Kaedah yang biasa yang digunapakai untuk kesemua alternatif ini adalah akses kepada penghasilan halaman bil atau invois yang mempunyai pautan kepada pembayaran secara online. Pautan halaman tersebut

boleh dikongsi kepada pelanggan menggunakan pelbagai medium seperti email, sms atau aplikasi perhubungan yang lain. Pelanggan yang menerima pautan tersebut hanya perlu mengikuti langkah yang dikemukakan dan data pembayaran jualan yang berjaya akan dikemaskini secara automatik ke dalam pangkalan data peniaga.

Alternatif pertama ialah mengguna pakai sistem payment gateway itu sendiri. Sistem ini semestinya penyimpanan pangkalan data transaksi dan peniaga boleh melihat senarai transaksi jualan yang melalui proses ini. Kelebihan cara ini adalah proses yang tidak memerlukan aplikasi lain untuk mengumpulkan data jualan, namun cara ini tidak dapat menerima bayaran selain dari kaedah bayaran payment gateway yang ditawarkan. Antara syarat utama juga kepada peniaga yang diperlukan oleh payment gateway semasa pendaftaran adalah dokumen perniagaan yang sah dan akaun bank semasa perniagaan.

Alternatif kedua ialah menggunakan aplikasi pihak ketiga yang menawarkan pengurusan jualan secara online secara khusus. Kelebihan cara ini semestinya penerimaan bayaran yang lebih fleksibel seperti boleh menggabungkan bayaran automatik dan secara manual. Biasanya, aplikasi seperti ini mempunyai alatan promosi seperti email marketing, newsletter, notifikasi yang boleh membantu peniaga untuk mempromosikan jualan. Namun dari segi kelemahannya, peniaga perlu membayar langganan perkhidmatan aplikasi pihak ketiga ini selain daripada kos payment gateway yang menjadi syarat kepada bayaran pengesahan automatik.

Alternatif ketiga ialah menggunakan sistem perakaunan atas talian yang menawarkan halaman bayaran invois kepada pelanggan. Kelebihannya selain daripada pengurusan jualan, semestinya peniaga mempunyai akses pelbagai kemudahan yang biasanya ditawarkan boleh aplikasi perakaunan. Namun, bayaran yang dikenakan biasanya lebih tinggi daripada aplikasi pengurusan jualan secara khusus.

Alternatif keempat ialah dengan mempunyai website yang mempunyai sistem perniagaan sendiri. Peniaga mempunyai bisnes model yang unik atau mahu kepada sistem yang fleksibel sangat sesuai untuk kaedah ini. Antara komitmen yang perlu ditambah kepada kaedah ini adalah keperluan kepada kos pembangunan sistem dan lain-lain infratraktur IT seperti pelayan (server) dan langganan kepada nama domain website.

Secara umumnya, pemilihan alternatif di atas bergantung kepada keperluan semasa sesuatu perniagaan. Peniaga boleh memilih kaedah yang mampu bayar pada peringkat permulaan. Namun jika saiz jualan terus meningkat dan keperluan pengurusan terus mendesak kepada aplikasi yang lebih menguntungkan perniagaan, keputusan untuk menambahbaik kepada alternatif yang lain adalah perlu dipertimbangkan.

0 Comments

Login

Newest ▾



Share your thoughts about that

Become the first to comment

Related posts

PENDAPAT

THE HEALTH AND ECONOMIC EFFECTS OF OUTDOOR AIR POLLUTION IN MALAYSIA

01 Nov, 2022  [Volume 1 Issue 4](#)  13 views

PM, or particulate matter, is one of the main causes of air pollution and poses a larger health risk. PM2.5 and PM10 are terms used to describe airborne particles with aerodynamic diameters less than 2.5 m and 10 m, respectively.

PENDAPAT

HALA TUJU USAHAWAN ISLAM MALAYSIA MASA KINI

01 Nov, 2022  [Volume 1 Issue 4](#)  12 views

Keusahawanan merupakan bidang yang diberi penekanan oleh Islam. Masyarakat yang terdiri daripada usahawan boleh dianggap sebagai masyarakat yang berjaya kerana usahawan merupakan individu yang kreatif, inovatif dan dinamik. Ditambah pula dengan dunia dilanda wabak pandemik COVID-19 banyak memberi kesan kepada usahawan, namun, mereka sanggup berhadapan dengan risiko demi mencapai kejayaan.

PENDAPAT

TIPS ELAK MUFLIS DI USIA MUDA

01 Nov, 2022  [Volume 1 Issue 4](#)  7 views

Muflis dikalangan golongan muda mencatatkan peningkatan yang membimbangkan saban tahun. Beberapa tips dikongsi untuk mengelak muflis di usia muda diantaranya adalah bijak mengurus kewangan, kemahuan atau kehendak dan menyimpan atau menabung.

Follow us

 Facebook

 Twitter


 Instagram

 Pinterest

Categories

Pendapat	(20)
Hasil Kajian	(6)
Berita	(2)

Lastest Post



PENDAPAT

4 ALTERNATIF PENGURUSAN BAYARAN PELANGGAN KEPADA PENIAGA ATAS TALIAN

01 Sep, 2022  5 views



PENDAPAT

ADAPT OR DIE

01 Nov, 2022  29 views



HASIL KAJIAN

POINT PROCESSES AT A GLANCE

01 Oct, 2022 4 views



PENDAPAT

TIPS ELAK MUFLIS DI USIA MUDA

01 Nov, 2022 7 views



PENDAPAT

7 STRATEGI RANTAIAN BEKALAN PERNIAGAAN KALIS BENCANA

01 Sep, 2022 6 views



PENDAPAT

THE HEALTH AND ECONOMIC EFFECTS OF OUTDOOR AIR POLLUTION IN MALAYSIA

01 Nov, 2022 13 views

Tags

[Usahawan](#)

[Temporal](#)

[IPT](#)

[Prediction](#)

[Twitter](#)

[Pendapat](#)

[Poisson Process](#)

[Platform](#)

[Popularity](#)

[Tweet](#)

About us

Caknawan menjadi platform kepada penulisan popular ilmiah hasil sumbangan artikel-artikel daripada pensyarah-pensyarah institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Address

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Kampus Kota, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan

Phone

+6097717127

Popular Posts




PERANAN DAN CABARAN USAHAWAN MUSLIM MASA KINI

03 Jan, 2019 228



LIMA CABARAN KEUSAHAWANAN SOSIAL

12 Feb, 2019 192



PENGETAHUAN SEBAGAI SUMBER KELESTARIAN PERNIAGAAN

07 Mar, 2019 79

Quick links

[Homepage](#)

[Contact](#)

[Blog](#)

[About](#)

Tags

[Usahawan](#)

[Temporal](#)

[IPT](#)

[Prediction](#)

[Twitter](#)

Newsletter

Subscribe to Our Newsletter

Enter your email



[Homepage](#)

[Contact](#)

[Blog](#)

[About](#)